

# Gempar lihat ribuan ikan mati

**SUNGAI SELISEK** – Penemuan ribuan ikan mati yang tersangkut pada tebing sungai dan mengalir di sepanjang Sungai Bernam menimbulkan tanda tanya.

Keadaan itu turut mengugurkan nelayan air tawar apabila sumber pendapatan mereka merosot disebabkan fenomena luar biasa itu.

Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Sungai Nilam, Ishak Ahmad berkata, keadaan itu mula disedari penduduk sejak malam kelmarin dan masih berlarutan hingga semalam.

“Keadaan ini dipercayai

berpunca daripada pencemaran sungai dan kesannya amat serius apabila mengakibatkan kematian ribuan ikan.

“Ini adalah kejadian paling buruk sepanjang tempoh lebih 13 tahun,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau berkata, loji penapisan air turut ditutup sementara kerana bimbang pencemaran.

Katanya, antara ikan yang ditemui mati seperti ikan Baung, Tongsan dan Embut-embut iaitu sejenis ikan Lampam.

Menurutnya, sekiranya ikan baung ditemui mati maka tahap keracunan air sungai

amat tinggi kerana ikan tersebut jenis yang mampu bertahan paling lama dalam air tercemar berbanding ikan lain.

Ishak berkata, sekiranya keadaan itu berlaku maka hidupan air tawar akan mengambil masa antara lima hingga enam bulan untuk pulih seperti sedia kala.

Sementara itu, Pegawai Daerah Hulu Selangor, Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perairan dan Saliran (JPS), Puncak Niaga Sdn Bhd dan Syarikat Bekalan Air

Selangor Sdn Bhd (Syabas) untuk mencari penyelesaian kepada masalah itu.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Daerah berkata, keputusan mengenai punca kejadian itu turut akan diperoleh pada pertemuan yang dijadualkan pada Isnin ini.

“Berdasarkan siasatan awal, punca kematian ikan-ikan ini akibat keracunan berikutan pencemaran air sungai.

“Pencemaran berlaku akibat pembuangan sisa toksik ke dalam sungai yang dipercayai daripada kilang sawit di Changkat Asa,” katanya.



Ishak (kiri) ketika meninjau keadaan Sungai Bernam yang dipenuhi ribuan bangkai ikan.